



**Untuk siaran segera
21 Oktober 2025**

**PNB KNOWLEDGE FORUM 2025
MEMPELOPORI TRANSFORMASI SEBAGAI AGENDA
KEPENTINGAN NASIONAL**

Bertemakan "Transformasi", forum ini meneroka bagaimana Malaysia mampu mentakrifkan semula penjanaan kekayaan, memperkukuh institusi, dan memperkasa individu untuk terus maju dalam ekonomi global yang pesat berkembang

KUALA LUMPUR, 21 Oktober 2025: Permodalan Nasional Berhad (PNB) hari ini menganjurkan PNB Knowledge Forum 2025 (PKF 2025), yang menetengahkan sesi In-Conversation bersama YAB Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim. Dianjurkan oleh PNB Research Institute (PNBRI), PKF 2025 menghimpunkan para pemikir global, pemimpin negara, arkitek korporat, dan suara peribadi untuk merangka bagaimana transformasi membentuk ekonomi, organisasi, dan kehidupan.

Format forum yang dirombak kali ini mengalu-alukan lebih 600 peserta, termasuk pemegang unit ASNB dan pelajar di bawah program Celik MADANI, penggubal dasar kanan, pemimpin daripada Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan (GLIC), Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC), syarikat tersenarai awam, pengawal selia, ahli akademik, pengurus dana, dan ahli komuniti pelaburan. Bertemakan "Transformasi", forum ini meneroka transformasi sebagai proses pelbagai dimensi yang didorong oleh anjakan geopolitik global, norma yang semakin berkembang, dan keperluan Malaysia untuk mentakrifkan semula pendekatan terhadap daya tahan ekonomi, kekuatan institusi, dan pertumbuhan yang mampan.

YM Raja Tan Sri Dato' Seri Arshad Raja Tun Uda, Pengerusi Kumpulan PNB, memberi penekanan terhadap visi transformasi holistik Perdana Menteri untuk Malaysia yang melangkaui pembaharuan ekonomi semata-mata, merangkumi tadbir urus kepimpinan, integriti institusi, keadilan sosial, serta warisan budaya. Beliau turut menyatakan bahawa Kerangka Ekonomi MADANI berfungsi sebagai

pelan induk untuk memperkukuh tanggungjawab fiskal dan memperkasa rakyat, di samping meletakkan Malaysia lebih berdaya saing di pentas global.

“Dalam dunia yang berubah pantas pada masa kini, transformasi bukan lagi sekadar tentang penyesuaian, tetapi melibatkan cara baharu dalam kita bekerja, memimpin, dan mencipta nilai pada setiap peringkat. Bagi PNB, ini bermaksud kekal teguh terhadap mandat kami untuk meningkatkan kekayaan ekonomi komuniti Bumiputera dan seluruh rakyat Malaysia melalui pemerkasaan kewangan yang inklusif, menawarkan pelbagai pilihan pelaburan yang menjadikan pembinaan kekayaan mudah diakses oleh semua pihak, sekali gus memastikan kemakmuran dikongsi bersama,” ujar beliau.

Dato’ Abdul Rahman Ahmad, Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PNB, berkata, “Tema hari ini, Transformasi, bukan sekadar topik untuk dibincangkan, tetapi satu keperluan yang mendefinisikan era semasa kita. Di PNB, transformasi telah diterapkan dalam hala tuju strategik dan falsafah operasi kami. Kami sedar bahawa dalam landskap global yang berubah dengan begitu pantas hari ini, sesebuah organisasi mesti sentiasa bertransformasi, menyesuaikan diri, dan berinovasi untuk kekal relevan serta memberikan nilai yang bermakna kepada para pemegang taruhnya.

PKF tahun ini memberi tumpuan kepada aspek transformasi melalui empat lensa utama: ekonomi, geografi, organisasi, dan peribadi. Sesi-sesi tersebut menunjukkan bagaimana perubahan setiap peringkat saling mengukuhkan, memberikan perspektif yang lebih holistik terhadap peluang dan cabaran yang dihadapi Malaysia dalam mengharungi ketidaktentuan global.

Forum ini turut menampilkan Dr. Yanis Varoufakis, Ahli Ekonomi dan mantan Menteri Kewangan Greece; Christian Majgaard, mantan Ketua Jenama Global di LEGO; dan Shaun Cochran, Ketua Penyelidikan di CLSA. Barisan penceramah yang lain termasuk YBhg Dato' Sri Khairussaleh Ramli, Presiden & Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Maybank; YBhg Dato' Seri Azmir Merican, Pengarah Urusan Kumpulan & Ketua Pegawai Eksekutif Sime Darby Property; serta kisah peribadi yang memberi inspirasi daripada usahawan Venon Tian dari ZUS Coffee, pemimpin kelestarian Melati Wijisen dari Bye Bye Plastic Bags, serta pelakon dan pelawak Douglas Lim.

-Tamat-

Mengenai Permodalan Nasional Berhad (PNB)

Permodalan Nasional Berhad (PNB) adalah salah sebuah syarikat pengurusan dana terbesar di Malaysia dengan aset di bawah pengurusan (AUM) kini melebihi RM300 bilion. Portfolio PNB merangkumi pelaburan strategik dalam syarikat-syarikat korporat terkemuka Malaysia, ekuiti global, pelaburan persendirian dan hartanah. Selama lebih empat dekad, kami kekal fokus dalam menyumbang kepada kekayaan Bumiputera dan semua rakyat Malaysia dan berdedikasi untuk memenuhi matlamat kami mengukuh kedudukan kewangan rakyat, merentas generasi. Kami komited terhadap kemampanan, amalan bertanggungjawab dan penciptaan masa depan inklusif yang memberi manfaat kepada pihak berkepentingan kami dan komuniti yang disantuni. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.pnb.com.my

PNB Research Institute Sdn. Berhad

PNB Research Institute Sdn. Berhad (PNBRI) telah ditubuhkan oleh Permodalan Nasional Berhad (PNB) pada 19 Januari 2012 sebagai sebuah syarikat sendirian berhad milik penuhnya. Penubuhan ini bertujuan memupuk budaya penyelidikan dan pembangunan (R&D), memperkukuh pembangunan kapasiti, serta mencari penyelesaian terhadap pelbagai cabaran sosial dan ekonomi negara yang kompleks. Sejajar dengan asas tersebut, PNBRI kini menumpukan usaha kepada pelaksanaan program penyelidikan dan kajian dasar yang dirangka untuk memahami serta menangani isu-isu berkaitan pembangunan negara Malaysia, di samping mandat dan kepentingan strategik PNB. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.pnbri.com.my

Dikeluarkan oleh Permodalan Nasional Berhad